



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 27 November 2024.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<p>KPWKM Perkenal Skuad Waja Gen Z Santuni Remaja – Noraini</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-perkenal-skuad-waja-gen-z-santuni-remaja-noraini-498055</p> <p>https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2367859</p> <p>https://www.bernama.com/en/news.php?id=2367956</p> <p>https://gerbangpost.com/kpwkm-memperkenalkan-skuad-waja-gen-z-untuk-membantu-remaja-noraini/</p> <p>https://www.threads.net/@bernamaofficial/post/DC1G9GuPk nY/kpwkm-perkenal-skuad-waja-gen-z-santuni-remaja-noraini-httpswwwbernamacombmamnew</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Bernamea – BM Bernama – BI</p> <p>Gerbang Post – Blog</p> <p>Threads/ Bernama</p>	Positif
2.	<p>Banjir Di Kelantan Makin Buruk, Tiga Negeri Lain Tiada Perubahan</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-di-kelantan-makin-buruk-tiga-negeri-lain-tiada-perubahan-498104</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1159582/banjir-2000-penduduk-5-kampung-terkepung</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1159572/banjir-1352-mangsa-di-pps-di-8-daerah-di-kelantan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/698917/edisi/kelantan/banjir-di-kelantan-makin-buruk-1338-mangsa-dipindahkan</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Harian Metro</p> <p>Harian Metro</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral

	https://www.kosmo.com.my/2024/11/27/banjir-97-mangsa-terjejas-di-marang-besut/	Kosmo	
3.	<p>Polis Selamatkan Remaja Perempuan Diculik Sekumpulan Individu</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/kes-culik-remaja-perempuan-tujuh-individu-ditahan-polis/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/698811/berita/semas a/tujuh-individu-ditangkap-culik-remaja-perempuan-15-tahun</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/11/26/gadis-diculik-tujuh-remaja-dirogol-kenalan-aplikasi-omi/#google_vignette</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/26/polis-selamatkan-remaja-perempuan-diculik-sekumpulan-individu</p> <p>https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/26/7-remaja-ditahan-culik-gadis-15-tahun/</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>FMT</p>	Positif
4.	<p>Dua Kanak-Kanak Tujuh Tahun Ditemui Lemas Dalam Kolam</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/11/26/dua-kanak-kanak-tujuh-tahun-ditemui-lemas-dalam-kolam/</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1328783/dua-kanak-kanak-lemas-ketika-mandi-kolam</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1159072/2-kanak-kanak-ditemukan-lemas-ketika-mandi-kolam</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-budak-perempuan-mandi-kolam-ditemukan-lemas-497900</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/698601/berita/semas a/dua-budak-perempuan-mandi-kolam-ditemukan-lemas</p> <p>https://siakapkeli.my/2024/11/25/dua-kanak-kanak-maut-lemas-ketika-mandi-kolam#google_vignette</p> <p>https://www.facebook.com/infoxkupikupifm/posts/dua-kanak-kanak-masing-masing-berusia-tujuh-tahun-ditemui-lemas-di-sebuah-kolam-/539379959071822/</p>	<p>Kosmo</p> <p>Berita Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Siakap Keli</p> <p>FB KupiKupi</p>	Neutral
5.	<p>Dua Termasuk Warga Emas Maut Nahas Tiga Kenderaan</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/11/26/dua-termasuk-warga-emas-maut-nahas-tiga-kenderaan/</p>	Malaysia Gazette	Positif

	https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2367845	Bernamea	
6.	<p>Polis Sibu Giat Cari Remaja Perempuan Hilang Sejak 14 Nov</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/26/polis-sibu-giat-cari-remaja-perempuan-hilang-sejak-14-nov</p>	Utusan Borneo	Neutral
7.	<p>Pesakit Kanser Berusia 5 Tahun Perlu Dana Untuk Rawatan</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/27/pesakit-kanser-berusia-5-tahun-perlu-dana-untuk-rawatan/</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/leisure/2024/11/27/5-year-old-with-cancer-needs-funds-for-lifesaving-treatments/</p>	FMT – BM FMT - BI	Neutral
8.	<p>Berani Tempuh Cabaran Walau OKU</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/11/27/berani-tempuh-cabaran-walau-oku/</p>	Kosmo	Neutral
9.	<p>Guru Hilang Dihanyut Arus Sungai Pahang Ditemukan Lemas</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/26/guru-hilang-dihanyut-arus-sungai-pahang-ditemukan-lemas</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/26/guru-dihanyut-arus-sungai-pahang-ditemukan-lemas/</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2367952 https://lobakmerah.com/tersangkut-pada-jaring-guru-hilang-3-hari-ditemui-maut-di-sungai-pahang/</p>	Utusan Borneo FMT Bernama	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

KPWKM PERKENAL SKUAD WAJA GEN Z SANTUNI REMAJA – NORAINI



Noraini berkata, Skwad Waja Gen Z dapat membantu meningkatkan kesedaran terhadap pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial terutama kepada golongan remaja dalam komuniti setempat. - Gambar Bernama

PUTRAJAYA: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memperluas peranan Skwad Waja bagi membantu dan menyantuni golongan remaja dengan memperkenalkan Skwad Waja Gen Z.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Noraini Ahmad berkata, skuad berkenaan dilaksanakan melalui kerjasama strategik Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) bersama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

liau berkata, menerusi kerjasama itu, sebanyak 300 ahli Skwad Waja Gen Z telah dilatih menggunakan Modul Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial atau ringkasnya PEKERTI.

"Sebanyak 300 ahli Skwad Waja Gen Z dalam kalangan remaja dan belia berusia antara 18 hingga 30 tahun menerima pentauliah bersempena dengan Majlis Konvensyen Skwad Waja Kebangsaan 2024 pada Selasa.

"Menerusi konvensyen ini, pengiktirafan terhadap mereka juga diberikan melalui Majlis Pentauliah kepada ahli yang telah berjaya mengikuti dan menamatkan program latihan," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Beliau berkata, Skwad Waja Gen Z dapat membantu meningkatkan kesedaran terhadap pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial terutama kepada golongan remaja dalam komuniti setempat.

"Selain itu, Skwad Waja Gen Z ini juga dapat memperluas peranannya kepada komuniti dengan melaksanakan bantuan psikososial dan bimbingan kepada belia yang memerlukan," katanya.

Noraini berkata penganjuran Konvensyen Skwad Waja Kebangsaan 2024 bertemakan "Tekad Berbakti, Waja Bestari" yang julung kali diadakan itu merupakan

platform kerajaan untuk memberi pengiktirafan kepada Skwad Waja yang telah menyumbang kepada kesejahteraan, keharmonian dan pembangunan negara. Mengenai Skwad Waja yang ditubuhkan pada 2021, beliau berkata, setakat bulan lepas, skuad itu telah disertai 337,958 ahli terdiri daripada 262,048 wanita dan 75,910 lelaki.

Noraini berkata, menerusi konvensyen itu juga, Skwad Waja yang terpilih telah dikurniakan Anugerah Skwad Waja Bestari yang dinilai berdasarkan penilaian terhadap Program Sumbang Bakti Skwad Waja yang dilaksanakan skuad berkenaan sepanjang tahun ini.

Beliau berkata, sebanyak 26 Program Sumbang Bakti Skwad Waja telah dilaksanakan dan menyantuni 2,227 golongan sasaran dalam komuniti di seluruh negara sepanjang 2024. - BERNAMA

BANJIR DI KELANTAN MAKIN BURUK, TIGA NEGERI LAIN TIADA PERUBAHAN



Tinjauan menunjukkan keadaan beberapa kawasan penempatan penduduk yang dilanda banjir kembali surut di Marang, Terengganu, 26 Nov 2024. --fotoBERNAMA

KUALA LUMPUR: Mangsa banjir di empat negeri meningkat kepada 1,332 daripada 387 keluarga, setakat jam 6 pagi ini.

Menurut Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat, sebanyak 48 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dibuka di Kelantan, Terengganu, Johor dan Sarawak.

Kelantan menjadi negeri paling teruk terjejas apabila banjir gelombang kedua melanda negeri itu, pada Selasa.

Seramai 1,223 mangsa daripada 357 keluarga yang ditempatkan di 37 PPS yang dibuka.

Antara daerah terjejas adalah Jeli, Kuala Krai, Pasir Mas, Pasir Puteh dan Bachok. Sementara itu, banjir di Terengganu tidak menunjukkan banyak perubahan dengan mangsa banjir dicatatkan seramai 64 mangsa daripada 19 keluarga ditempatkan di sembilan PPS.

Kawasan yang masih terjejas banjir di Marang dan Besut.

Bagi Johor pula, seramai 28 mangsa daripada lapan keluarga ditempatkan di sebuah PPS yang dibuka di Segamat.

Negeri terakhir terjejas ialah Sarawak dengan 18 mangsa daripada empat keluarga yang ditempatkan di sebuah PPS di Betong.

POLIS SELAMATKAN REMAJA PEREMPUAN DICULIK SEKUMPULAN INDIVIDU

SHAH ALAM: Polis berjaya menyelamatkan seorang remaja perempuan berusia 15 tahun dipercayai diculik sekumpulan individu di sebuah pangsapuri di Seksyen 7, di sini pada 18 Nov lepas.

tua Polis Daerah Klang Selatan ACP Cha Hoong Fong berkata dalam kejadian pada 16 Nov, mangsa yang masih tidak pulang ke rumah walaupun sudah lewat petang telah dihubungi bapanya untuk balik ke kediaman mereka di Taman Kem, Pelabuhan Klang.

Namun, katanya, bapa mangsa telah menerima pesanan suara daripada nombor telefon milik anaknya itu yang mengelirukan kedudukan mangsa sebelum bertindak melaporkan kejadian itu kerana risau terhadap keselamatan anaknya.

"Pesanan suara yang diterima meminta pengadu (bapa) untuk mengambil mangsa di kawasan Subang dalam keadaan sedang bertengkar dengan seorang lelaki (suspek) serta menghantar lokasi kedudukan mangsa.

"Pengadu telah ke lokasi terbabit dan mendapati mangsa tiada di kawasan itu. Seterusnya, pengadu menerima pesanan dalam aplikasi WhatsApp menyatakan suspek akan lepaskan mangsa di kawasan Kuala Lumpur," katanya dalam kenyataan hari ini.

DUA KANAK-KANAK TUJUH TAHUN DITEMUI LEMAS DALAM KOLAM



TUARAN – Dua kanak-kanak berusia tujuh tahun ditemui lemas dalam sebuah kolam di Kampung Rungus Nahaba, Tamparuli kelmarin.

Difahamkan, kejadian hanya disedari selepas adik kepada salah seorang mangsa memaklumkan kepada keluarga selepas terselamat dalam kejadian sama.

Ketua Polis Daerah Tuaran, Superintendan Noraidin Ag Maidin berkata, sepasukan polis terus dikerah ke lokasi kejadian untuk menjalankan siasatan sebaik menerima laporan pada pukul 5.18 petang.

“Beberapa penduduk kampung bersama keluarga mangsa pergi ke lokasi kejadian dan berjaya menemui kedua-dua mangsa di dasar kolam dalam keadaan tidak sedarkan.

“Bagaimanapun, pihak hospital Tuaran yang hadir membantu di tempat kejadian kemudiannya mengesahkan kedua-dua mangsa sudah meninggal dunia. Kedua-dua mangsa telah dibawa balik ke rumah oleh ahli keluarga masing-masing,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Mengulas lanjut, Noraidin memaklumkan hasil siasatan awal mendapati jarak rumah kedua-dua mangsa dengan kolam hanya kira-kira satu kilometer.

DUA TERMASUK WARGA EMAS MAUT NAHAS TIGA KENDERAAN

MARAN – Dua termasuk seorang warga emas maut dalam kemalangan membabitkan tiga kenderaan di Kilometer 3 Jalan Pekan/Kuantan, Pekan kira-kira pukul 11.05 pagi tadi.

Menurut Ketua Polis Daerah Pekan, Superintendan Mohd Zaidi Mat Zin, kejadian membabitkan sebuah pacuan empat roda jenis Mitsubishi Triton, kereta Proton Saga dan kenderaan pelbagai guna (MPV) jenis Toyota Avanza.

Beliau berkata, kenderaan pacuan empat roda itu dipandu dari arah Pekan menghala ke Kuantan manakala kereta Proton Saga dan Toyota Avanza pula dipandu di arah bertentangan.

“Sampai di tempat kejadian, pacuan empat roda dipandu lelaki berusia 35 tahun dipercayai hilang kawalan dan masuk ke laluan bertentangan lalu melanggar kereta Proton Saga dipandu seorang warga emas berusia 71 tahun,” katanya dalam kenyataan.

Tambah Mohd Zaidi, disebabkan jarak terlalu dekat, Toyota Avanza yang dipandu di belakang kereta Proton Saga tidak sempat mengelak dan melanggar bahagian belakangnya.

Akibat kemalangan itu, pemandu pacuan empat roda, Azuwan Zainal Abidin, 35, dan pemandu Proton Saga, Raja Mustafa Shah Raja Jalil Shah telah mengalami kecederaan parah dan dihantar ke Hospital Pekan untuk mendapatkan rawatan.